

E-DAGANG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

DR. NIK RAHIM BIN NIK WAJIS
Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam,
Universiti Brunei Darussalam

PENDAHULUAN

Islam adalah agama sempurna. Prinsip-prinsip yang ada di dalam Islam sesuai dan tidak pernah ketinggalan zaman meskipun apa yang dinyatakan hanyalah berbentuk prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah yang ringkas sahaja. Islam juga bukanlah ugama yang *rigid* dan beku serta tidak berkembang. Prinsip-prinsip yang ada di dalam Islam boleh disesuaikan dan dipadankan mengikut keperluan semasa. Undang-undang Islam sentiasa berkembang selari dengan perkembangan ilmu dan teknologi.

Perniagaan adalah keperluan hidup masyarakat sejak dahulu. Kehendak dan keperluan ini tidak pernah berubah. Perubahan hanyalah berlaku kepada barangan atau *material* yang diperniagakan serta *method* transaksi ini di laksanakan.

Perkembangan teknologi maklumat (IT) turut membawa perubahan kepada cara transaksi dilakukan. IT digunakan sebagai salah satu media perniagaan yang disebut sebagai E-dagang atau *E-commerce (Internet Base Business)*. Perkembangan teknologi di dalam sektor kewangan ini ternyata merupakan elemen yang amat penting di dalam industri perkhidmatan kewangan kerana kewujudan teknologi ini membawa arus perubahan kepada cara perniagaan serta penghantaran barangan kepada para pengguna. Dengan kewujudan revolusi multimedia ini juga, bukan sahaja maklumat yang berbentuk data yang boleh dihantar bahkan grafik, video serta suara juga turut boleh dihantar dari satu tempat ke satu tempat yang lain di seluruh dunia dengan cara yang pantas. Bagi syarikat-syarikat atau agensi samada kerajaan atau swasta, IT mempunyai banyak kelebihan di dalam mengatur dan menyusun pengaliran wang serta perbelanjaan kerana melalui IT ini mereka boleh memantau segala perbelanjaan yang dibuat, menjangka keperluan di masa akan datang, mengatur langkah berjimat cermat dan lain-lain. Bagi sistem perbankan pula selain dari menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif kepada pelanggan, pihak institut kewangan juga berkemampuan untuk memantau keperluan pelanggan dari masa ke semasa secara automatik apabila keperluan pelanggan berubah kerana sebab-sebab tertentu seperti

bertambahnya pendapatan bulanan, penukaran kenderaan, insuran dan lain-lain.

Semamangnya tiada *nass* yang jelas tentang hukum menjalankan perniagaan dengan cara demikian kerana cara perniagaan seumpama ini tidak pernah wujud di zaman Rasulullah dan juga para sahabat. Yang pasti, selagimana perniagaan tersebut tidak terlibat dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan prinsip Islam, maka perniagaan itu dianggap sah dan halal menurut syara'. Ini dijelaskan di dalam al-Qur'an (Surah al Baqarah: 275), bermaksud:

Sesungguhnya Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba....

Kewujudan transaksi seperti ini memaksa para ulama' membuka mata dan mengenali serta mendalami transaksi seperti ini sebelum sesuatu fatwa atau *ijtihad* itu dilakukan. Mengeluarkan fatwa tanpa terlebih dahulu memahami hakikat serta keperluan manusia di dalam perkara tersebut boleh mengundang rasa tidak puas hati masyarakat terhadap prinsip Islam dan sekaligus menjadikan fatwa/ijtihad itu tidak praktikal untuk dilaksanakan.

Matlamat penulisan ini adalah untuk membuka minda umat Islam amnya dan para ulama' khususnya agar mempunyai persepsi yang positif terhadap teknologi maklumat dan tidak hanya melihat IT sebagai suatu yang negatif semata-mata yang boleh merosakkan minda serta akhlak masyarakat seperti pornografi, perjudian, pembaziran masa, masalah sosial dan lain-lain. IT sebenarnya adalah merupakan satu *wadah* yang boleh digunakan untuk memantapkan ummah dari pelbagai sudut samada ekonomi, politik, sosial dan lain-lain.

E-DAGANG (*E-COMMERCE*) : SATU DEFINISI

E-dagang bolehlah didefinisikan sebagai satu bentuk sistem pembayaran yang mana proses serta komunikasi yang berlaku di antara kedua belah pihak (penjual dan pembeli) memberi kesan dari sudut ekonomi dan memberi kesan yang perlu kepada pengeluaran, pengedaran atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan ekonomi berlandaskan kepada elektronik (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980:8). Transaksi yang dijalankan melalui cara ini sebenarnya banyak membuka peluang kepada para peniaga serta pelanggan untuk menjalankan perniagaan serta

mendapatkan produk yang mereka ingini dengan lebih cepat serta efektif. Sistem ini juga dilihat sebagai salah satu dari jalan penyelesaian kepada beberapa masalah yang dihadapi oleh firma-firma perniagaan di masa lalu. Kewujudan sistem ekonomi seumpama ini kemungkinan akan memberi kesan secara serius kepada penggunaan kertas, wang serta chek di masa-masa akan datang (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980: 3-4). Pembayaran di dalam bentuk baru ini ternyata amat murah dan mudah jika dibandingkan dengan cara pembayaran yang dibuat secara konvensional dan sekaligus akan mengurangkan keperluan kepada pengaliran wang tunai (Andress Furche, Graham Wrightson, t.t ; 80) dan ini sekaligus akan mengurangkan fungsi yang dimainkan oleh Bank Pusat (*central Bank*). Berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat, penurunan dari sudut penggunaan wang tunai adalah amat besar dengan kewujudan sistem pembayaran yang baru seperti penggunaan kad kredit atau kad debit ini berbanding 30 tahun yang lalu. Di Jerman sebagai satu contoh, perbelanjaan keseluruhan pada tahun 1990 adalah sebanyak DM 4,825 Billion dan dari jumlah itu hanya 4% sahaja wang tunai digunakan (Andress Furche, Graham Wrightson, t.t : 80-81). Di Malaysia perkembangan e-dagang adalah amat memberangsangkan walaupun ia masih baru dengan mencatatkan pertumbuhan kira-kira 100 peratus setiap tahun (Utusan Malaysia, 25/5/01). Aktiviti e-dagang di Malaysia juga dijangka berkembang dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) 90 peratus sehingga 2005 dengan mencatatkan jumlah pasaran bernilai RM35.72 bilion (Utusan Malaysia, 25/5/01).

JENIS-JENIS SISTEM DI DALAM E-DAGANG

Terdapat lima sub-sistem di dalam sistem yang dilaksanakan di dalam e-dagang ini.

A. Prosuder Kebenaran Awal (Pre Authorization Procedures)

Melalui *method* ini, para pendeposit di institut kewangan akan mengeluarkan arahan tetap kepada institusi kewangan tertentu bagi membuat bayaran secara automatik dengan hanya satu kebenaran seperti pembayaran bil elektrik, pembayaran ansuran kereta dan lain-lain. Pembayaran ini akan dibuat secara berterusan berdasarkan kepada perjanjian serta persetujuan asal di antara pihak pendeposit dan juga pihak institusi kewangan. Menurut kaedah ini juga, para pendeposit boleh memberikan arahan kepada pihak institusi kewangan terbabit untuk memindahkan wang dari satu akaun kepada akaun yang lain contohnya dari akaun simpanan kepada akaun semasa.

Kaedah ini boleh dilaksanakan dengan cara memberi arahan kepada pihak bank samada dengan cara menghadirkan diri ke bank-bank tertentu atau juga secara elektronik. Sesetengah bank seperti Citibank sebagai contoh memberikan galakan kepada para pelanggan untuk membuat pembayaran melalui arahan tetap kepada pihak bank dengan mengenakan bayaran terus kepada kad kredit mereka dan mereka akan diberikan potongan tertentu.

B. Perbankan 24 Jam (ATM)

Sistem perbankan sumpama ini mula diwujudkan buat kali pertamanya di New York, Amerika Syarikat pada tahun 1969 di mana Chemical Bank adalah bank yang mula-mula sekali menggunakan sistem ini (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980 : 8).

Bentuk transaksi seperti ini telah digunakan secara meluas di seluruh dunia. Bahkan ianya bukan sahaja terhad kepada satu-satu negara sahaja bahkan kad yang dikeluarkan di satu negara tertentu boleh melakukan transaksi di negara-negara lain yang mempunyai kemudahan ini. Melalui mesin ATM ini, para pendeposit boleh mengakses kepada akaun mereka masing-masing dengan menggunakan nombor rahsia yang diberikan oleh pihak institusi kewangan. Mereka bukan sahaja boleh mengeluarkan wang dari simpanan mereka, bahkan juga boleh membuat pembayaran bil dan sebagainya. Cara ini memberikan keselesaan kepada para pengguna kerana ianya menjimatkan masa dan memudahkan para pelanggan menggunakannya tanpa batas waktu kerana ianya dibuka selama 24 jam sehari semalam.

C. Pemindahan Wang Secara Automatic Semasa Membuat Pembelian (*Point Of Sale*) Operations Facilities.

Melalui cara ini, para pembeli akan dapat memindahkan secara langsung jumlah wang tertentu (jumlah pembelian) kepada syarikat yang terbabit sejurus semasa transaksi dilakukan. Cara ini menghendaki pelanggan itu mempunyai jumlah yang mencukupi bagi membuat pembayaran tersebut. Jika jumlah wang tidak mencukupi, transaksi tersebut tidak akan diteruskan. Di dalam kaedah ini para pelanggan akan menggunakan kad ATM mereka dan pihak penjual akan mengenakan bayaran bagi setiap pembelian ke atas kad pelanggan dan ini memerlukan pelanggan itu untuk memberikan *authorization* dengan memasukkan nombor rahsia. Apabila nombor rahsia ini dimasukkan, secara automatik, jumlah pembelian yang dimasukkan akan ditolak dari akaun pelanggan.

D. Kad Hutang Credit/Debit Card

Bagi memenuhi kehendak pelanggan serta memperkembangkan perniagaan, maka pihak institusi kewangan mengeluarkan kad yang dipanggil kad kredit atau kad hutang bagi mereka yang layak. Kad ini menggunakan teknologi magnetic strip di mana apabila kad pelanggan dilalukan melalui mesin khas, mesin tersebut secara automatik akan menghantar segala maklumat yang terkandung di dalam kad itu kepada sistem komputer dan seterusnya memproses segala transaksi yang dijalankan kemudian menghantar kepada pihak (*issuer*) pengeluar kad serta pihak syarikat (*acquirer*) bagi mendapatkan authorization (Gandy, A. dan Chapman. 1997 : 45). Para pemegang kad akan diberikan jumlah tertentu untuk dibelanjakan dan jumlah ini berbeza-beza di antara satu pelanggan dengan pelanggan yang lain berdasarkan kepada status kewangan seseorang. Wang yang dibelanjakan itu mestilah dibayar balik pada setiap bulan berdasarkan kepada perjanjian yang dibuat di antara pihak pelanggan dengan pihak institusi kewangan. Di Malaysia, bagi melayakkan seseorang itu memiliki kad kredit mereka perlulah memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM 24,000 setahun untuk mendapatkan kad biasa (*silver*) dan perlu memperolehi pendapatan tidak kurang daripada RM 48,000 setahun untuk mendapatkan kad emas. Bagi kad biasa, had kredit yang diberikan pada kebiasaannya ialah sebanyak RM 12,000 dan jumlah ini boleh ditingkatkan jika ada permintaan daripada para pelanggan dan pihak bank akan membenarkan pertambahan ini jika didapati pelanggan tersebut mempunyai rekod pembayaran yang baik.

Selain daripada kad kredit, ada beberapa lagi jenis kad yang dinamakan *charge card* yang beroperasi melalui kaedah yang sama tetapi pihak pengeluar kad seperti American Express, Diners Club dan sebagainya tidak meletakkan kadar atau had tertentu khususnya bagi pemegang kad emas. Dalam erti kata lain, pemegang kad boleh membelanjakan sebanyak mana yang mereka mahu asalkan mereka mampu untuk membayar keseluruhan wang yang digunakan apabila sampai masanya.

E. Pemindahan Wang Di Antara Institusi Kewangan

Cara ini dilakukan di antara institusi kewangan berdasarkan kepada persetujuan yang dibuat di antara mereka. Pemindahan wang ini dilakukan secara elektronik di mana hanya jumlah wang yang disebutkan sedangkan pihak institusi kewangan yang menerima tidak menerima wang yang sebenar tetapi hanya angka-angka yang menggambarkan jumlah wang yang dipindahkan.

F. Perkhidmatan Telephon Banking

Sistem ini mampu untuk melaksanakan arahan yang diberikan oleh pelanggan melalui sistem *automated voice recognition*. Sistem ini memerlukan pelanggan untuk memasukkan nombor pengenalan sebelum memperolehi akses ke akaun mereka (Gandy, A. dan Chapman. 1997: 43). Sistem ini ternyata membawa perubahan yang besar kepada perkhidmatan pelanggan serta meningkatkan lagi taraf efisiensi perbankan di dalam arus globalisasi ini.

G. Interactive TV

Sistem ini juga banyak memberi kelebihan kepada para pelanggan kerana mereka boleh membuat urusan dengan bank atau institusi kewangan mereka tanpa meninggalkan rumah. Set television disambung terus kepada bank yang mana para pelanggan boleh membuat berbagai-bagai transaksi seperti membuat pembayaran bill atau apa-apa arahan dan pihak bank akan melaksanakan setiap arahan kehadiran pelanggan secara individu.

H. Internet Access Computing

Ini juga salah satu dari usaha dari pihak-pihak kewangan dan juga lain-lain syarikat bagi memudahkan pelanggan yang mana sistem ini menyediakan kemudahan bagi pelanggan untuk bertukar maklumat, mengakses kepada akaun mereka serta membuat bayaran bagi perkhidmatan yang mereka gunakan (Gandy, A. Chapman. 1997:43). Sekarang ini sistem perniagaan seumpama ini berkembang pesat kerana ianya dilihat sebagai cara terbaik untuk sampai kepada para pelanggan. Diantaranya ialah:

E-SAHAM

Dengan perkembangan teknologi yang canggih, pembelian dan penjualan saham kini boleh dilakukan melalui media elektronik samada melalui kaca television ataupun melalui internet. Amsecurities Sdn Bhd adalah salah satu syarikat perbankan yang menyediakan perkhidmatan perdagangan saham secara Islam melalui internet di laman webnya iaitu www.amsecurities.com. Melalui laman web ini, para pelanggan boleh menguruskan di dalam pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara aktif. Mereka bukan sahaja boleh memantau harga turun naik saham bahkan boleh melakukan pembelian dan penjualan saham pada bila-bila masa apabila BSKL beroperasi. Selain daripada itu pihak Amsecurities juga menyediakan informasi yang lengkap tentang satu-satu kaunter dan ini memudahkan para pelanggan untuk memilih mana-mana

kaunter yang termasuk di dalam senarai kaunter yang beroperasi secara Islam atau sebaliknya.

E-TIKET

Kini satu lagi cabang e-dagang yang semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat iaitu pembelian tiket penerbangan melalui internet. Air Asia sebagai contoh menyediakan laman web yang khusus sebagai salah satu cara untuk perkembangan perniagaan mereka. Bukan itu sahaja, mereka menggalakan para penumpang membeli tiket penerbangan melalui internet dengan memberikan potongan harga sebanyak RM 5.00 bagi setiap tiket. Walaupun potongan yang diberikan bukanlah tarikan yang sebenar penumpang untuk membeli tiket penerbangan Air Asia, tetapi harganya yang murah serta kemudahan membeli tiket tanpa perlu keluar dari rumah adalah satu tarikan. Airasia juga adalah satu-satunya syarikat penerbangan yang memperkenalkan penerbangan tanpa tiket (*ticketless*) dan tempat duduk bebas (*free seating*) di dalam semua penerbangannya.

E-LELONG

Satu lagi bentuk perniagaan yang agak ketara dan menjadi alternatif kepada sebahagian pengguna ialah membeli dan menjual secara lelongan melalui internet. Di Amerika Syarikat, laman web seperti www.ebay.com menawarkan berbagai produk untuk dijual secara lelongan dengan harga yang amat murah berbanding dengan harga barangan yang sama yang dijual di pasaran tempatan. Di Malaysia, beberapa laman web seperti www.auctions.com.my sebagai contoh memberi peluang kepada para pelanggan untuk membeli dan menjual rumah atau hartanah dengan harga yang lebih kompetitif.

MASALAH-MASALAH E-DAGANG

E-dagang meskipun banyak membantu orang ramai di dalam urusan kewangan mereka, namun bukan semua penduduk di dalam satu-satu negara itu terlibat secara langsung. Timbulnya e-dagang ini tidak memberikan implikasi secara langsung kepada mereka khususnya mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah. Sebagai contoh sebanyak 20-25% penduduk Amerika Syarikat tidak mempunyai akaun simpanan (*saving account*), manakala 23% tidak mempunyai akaun simpanan (*saving account*) dan 50% tidak mempunyai kad kredit (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980:47).

Di antara masalah yang dihadapi di dalam e-dagang antaranya ialah di dalam penggunaan sistem ATM yang mana kod menyediakan perkhidmatan ini kepada pelanggan adalah terlalu tinggi. Sebagai contoh sistem perbankan di Britain menghabiskan kira-kira US\$5.9 bilion bagi menyediakan perkhidmatan IT di dalam sistem perbankan (Gandy, A. dan Chapman. 1997 : 4). Menurut banci yang dibuat oleh Anderson Survey, 38% daripada jumlah keseluruhan kos pengendalian di dalam sistem perbankan di Britain adalah untuk IT dan hanya 38% kos untuk tenaga manusia (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980 : 47). Manakala di Amerika pula, sebanyak US\$ 16.9 bilion telah dibelanjakan untuk tujuan yang sama di dalam sistem perbankan pada tahun 1994 dan sebanyak US\$ 19.8 bilion pada tahun 1997 (Kent W. Colton & Kenneth L. Kraemer. 1980 : 47).

Selain dari itu hak pengguna tidak begitu jelas dinyatakan. Sebagai contoh jika wang pengguna dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, pihak bank tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan tersebut kecuali jika ternyata ianya berlaku kerana kecuaiian dari pihak bank. Beberapa kes dilaporkan tentang kehilangan wang oleh para pelanggan namun kes tersebut tidak dapat diselesaikan dengan cara yang dapat memberikan kepuasan kepada pelanggan. Di Pulau Pinang sebagai contoh, berdasarkan laporan polis setakat 1 April 2002, terdapat 700 aduan kecurian wang dari ATM di bank-bank di Pulau itu yang melibatkan sejumlah RM 500,000. (Utusan Malaysia, 10/4/2000). Walaubagaimanapun, baru-baru ini pihak bank Negara Malaysia (BNM) telah memberi jaminan bahawa semua institusi kewangan akan mengembalikan wang pendeposit dalam tempoh 14 hari, jika terbukti ia dikeluarkan oleh sindiket pengklon kad mesin teler automatik oleh satu sendiket pengklon kad mesin teler automatik (ATM) yang bergiat aktif baru-baru ini. Akibat dari kes-kes pengeluaran wang oleh satu sendiket baru-baru ini, rangkaian Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia (MEPS) antara bank digantung operasinya sehingga ke satu masa yang akan ditentukan kemudian (Utusan Malaysia, 28/06/2002).

Meskipun terdapat pelbagai masalah wang yang dihadapi namun sistem ini tetap terus berjalan dengan meluas dengan beberapa perubahan dibuat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dari masa ke semasa. Tidak dapat dinafikan, sistem ini dapat membantu mempercepatkan proses kewangan dengan perbelanjaan yang rendah yang mana dengan bantuan sistem Proses Transaksi On-Line (*Online Transaction Processing*)

segala maklumat dapat diproses serta merta secara *interactive* tanpa perlu menunggu lebih lama (Gandy, A. dan Chapman. 1997:23).

MENANGANI PENIPUAN KAD

Penipuan kad kredit sememangnya berlaku secara berleluasa di seluruh dunia. Bagi mengatasi masalah ini, satu system yang dinamakan Electric Funds Transfer at the Point of Sale (EFTPoS) berkemampuan untuk mengesan segala bentuk penipuan ke atas kad kredit. Sistem ini memeriksa dengan pantas kad yang digunakan bahawa ianya tidak termasuk di antara kad-kad yang telah disenaraihitamkan oleh pihak pengeluar kad. Sistem ini seterusnya memeriksa jumlah baki kredit dan seterusnya menghantar segala informasi yang ada di dalam kad kepada Sistem Pencegahan Penipuan (Anti Fraud System). Sistem ini ternyata amat efektif kerana seseorang pekerja mempunyai alasan yang munasabah untuk menerima atau menolak sesuatu transaksi yang dijalankan. Sistem ini juga lengkap dengan satu sistem yang dikenali sebagai artificial Intelligence di mana ianya berkemampuan untuk mengesan sesuatu perkara yang luarbiasa berlaku ke atas penggunaan kad (Gandy, A. dan Chapman. 1997:145). Sebagai contoh jika satu-satu kad dikeluarkan di Malaysia dan penggunaannya pada kebiasaannya tidak melebihi \$1000 pada setiap bulan, maka jika kad tersebut digunakan di Switzerland bagi membeli jam Rolex bernilai melebihi US\$10,000, maka di dalam kes ini 75% boleh dianggap sebagai satu kes penipuan.

Bagi membentaras kegiatan penipuan, penggunaan kad pintar (*smart card*) dikira sebagai satu penyelesaian yang terbaik bagi menggantikan sistem yang digunakan masa kini iaitu teknologi *magnetic strip*. Di antara kelebihan kad pintar ialah:

1. Mengandungi segala maklumat peribadi pemegang kad seperti alamat serta gambar. Sebarang perubahan kepada gambar akan dapat dikesan dengan mudah.
2. Mengandungi tandatangan digital dimana tandatangan tersebut boleh dilihat perbezaannya ketika satu-satu transaksi dijalankan.
3. Selain dari itu, kad pintar juga dilengkapi dengan cap jari pemegang kad bagi mengelakkan penipuan.
4. Dengan kelengkapan yang ada pada kad pintar, ianya hampir mustahil untuk ditiru tambahan pula kos pembikinan kad seumpama itu amat tinggi (Gandy, A. dan Chapman. 1997: 148).

KAD KREDIT SECARA ISLAM

Sekarang ini, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai contoh telah mengambil satu lagi inisiatif ke arah memperkembangkan perniagaan mereka dengan mengeluarkan satu produk baru yang dikenali sebagai Kad Bank Islam (KBI) yang dilancarkan sejak bulan Jun 2002 dan mensasarkan 55,000 pelanggan selepas setahun ianya dilancarkan (Berita Harian, 29/11/02). KBI berlandaskan prinsip Syariah, menawarkan ciri-ciri asas kad kredit tetapi tanpa riba dan *gharar* (ketidakpastian) dan juga merupakan kad pertama di Asia Tenggara yang mengguna pakai Kad Pintar EMV (Europay-Mastercard-Visa) dengan teknologi berasaskan cip untuk keselamatan (Berita Harian, 29/11/02). Terdapat perbezaan yang ketara di antara kad kredit konvensional dan KBI. Kad kredit konvensional mengamalkan konsep kredit yang berasaskan riba di mana pemegang kad kredit akan dikenakan caj dengan kadar tertentu di atas baki yang gagal dibayar oleh pemegang kad apabila tempoh pemegang tamat. Kebanyakan bank konvensional memberi kelonggaran kepada pemegang kad untuk membayar sebanyak 5% sahaja daripada baki terakhir pada setiap bulan. Kelewatan pembayaran ini akan menyebabkan pemegang kad terpaksa membayar caj daripada jumlah terakhir dan ini jelas termasuk di dalam kategori riba. Berbeza pula keadaannya dengan KBI yang juga memberikan jumlah kredit yang tertentu kepada mereka yang layak namun cara pengambilan untung adalah berbeza berbanding dengan bank konvensional. Ini kerana KBI beroperasi di bawah tiga *kontrak Syariah*, iaitu *Bai-Inah*, *al-Wadiah* dan *al-Qard al-Hasan* yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syarikat BIMB dan Bank Negara Malaysia (Berita Harian, 29/11/2002).

SATU ANALISIS

Di sini penulis akan membuat analisis tentang beberapa jenis e-dagang yang telah dibincangkan sebelum ini. Pertamanya, penulis tidak mendapati sebarang perkara yang berkaitan dengan urusan transaksi Prosuder Kebenaran Awal (*Pre authorization procedures*) yang menyalahi hukum syara' kerana pihak pelanggan hanya mengeluarkan arahan kepada pihak bank sebagai pemegang amanah untuk membuat satu-satu bayaran yang mana wang tersebut diambil dari akaun dan wang milik pelanggan itu sendiri. Manakala ATM pula cuma merupakan satu bentuk kemudahan yang disediakan oleh pihak bank kepada pelanggan mereka. Walaubagaimanapun terdapat masalah luaran yang tidak berkaitan dengan hukum syara' secara langsung akan tetapi ianya berkaitan dengan perbuatan jenayah seperti penipuan kad yang melibatkan pengeluaran wang tunai milik orang lain.

Aplikasi pemindahan wang secara automatik semasa membuat pembelian (*point of sale operations facilities*) juga tidak didapati sebarang masalah berkaitan dengan hukum syara' kerana pelanggan menggunakan wang sendiri yang ada di dalam akaun mereka.

Di antara transaksi yang menjadi fokus utama penulis ialah yang berkaitan dengan kad hutang (*credit / debit card*). Ini kerana seperti yang kita maklumi kredit atau hutang seolah-olah sudah sebatik di dalam kehidupan masyarakat sejak turun temurun lagi. Hutang diperolehi kerana sebab-sebab yang berbeza antara individu. Ada yang mendapatkan kredit kerana memenuhi keperluan asasi seperti makan dan minum, ada yang meminjam kerana membeli kenderaan, membeli rumah atau kerana tujuan pelajaran, melancong dan juga untuk dijadikan modal di dalam perniagaan.

Bagi mereka yang membuat pinjaman ini, apa yang mereka inginkan ialah mendapat kredit yang mereka perlukan secepat mungkin, waktu pembayaran pula sepanjang mungkin dengan syarat-syarat seringan mungkin.

Kredit juga dikira sebagai jalan yang paling cepat untuk mendapatkan wang bagi mengembangkan industri serta asset yang dimiliki oleh peminjam (John R. Brick, Robert F Dame. 1980: 280).

Walaupun kadangkala kita dapati ada yang benar-benar memerlukan wang tidak mendapat bantuan yang diperlukan khususnya jika kredit itu dipohon dari pihak bank kerana pihak bank mempunyai syarat-syarat yang tertentu sebelum satu-satu permohonan itu diluluskan. Ini kerana bank adalah institusi yang mementingkan keuntungan dan bukan sebagai institusi kebajikan. Pihak bank akan memastikan terlebih dahulu kemampuan pemimjam sebelum pinjaman tersebut diluluskan dan memastikan bahawa pihak bank mendapat keuntungan yang ditetapkan hasil dari pinjaman dikeluarkan itu (R. Tjipton Adinugroto. 1986:6). Ciri-ciri kelayakan pemimjam akan diambil kira termasuk kemampuan membayar balik pinjaman, pengalaman pinjaman yang lalu, laporan kredit, kemahiran serta komitmen (Rosli Mahmood. 1998:14).

Bagi pihak institusi kewangan, pemberian pinjaman adalah merupakan fungsi yang paling utama yang membawa keuntungan di dalam perniagaan perbankan. Lantaran itu tidak hairanlah kenapa pihak

bank memperuntukkan sebahagian besar dana bagi tujuan tersebut (Rosli Mahmood. 1998:14). Bank sebagai satu organisasi yang berorientasikan keuntungan sentiasa memastikan bahawa pelabur-pelabur mendapat pulangan yang sewajarnya dari pelaburan mereka (Rosli Mahmood. 1998:14). Bagi bank-bank konvensional pula transaksi yang mereka lakukan sentiasa terlibat dengan riba kerana didalangi oleh keinginan untuk mendapatkan keuntungan maksimum sehingga melibatkan diri di dalam perniagaan-perniagaan yang berasaskan spekulasi, perjudian, monopoli dan lain-lain (Muhammad Kamal Azhari. 1990:6). Para pelanggan pula terpaksa membuat pembayaran dibebankan pula oleh riba meskipun perniagaan yang mereka jalankan itu menanggung kerugian (Muhammad Kamal Azhari. 1990:6).

Di antara masalah yang dihadapi oleh pemegang kad kredit ialah mereka akan dikenakan bayaran faedah yang tinggi (riba) iaitu sebanyak 24% setahun bagi baki yang tertunggak dan faedah ini dikira secara harian jika sekiranya pemegang kad tidak melangsaikan semua jumlah wang yang digunakan dalam masa sebulan dari tarikh penyata. Selain dari terlibat secara langsung dengan riba, pengguna juga akan dikenakan caj simpanan jika sekiranya mereka gagal membayar had minimum yang dituntut iaitu sebanyak 5% daripada jumlah keseluruhan.

Selain dari itu, pengguna-pengguna kad kredit juga terdedah kepada pemalsuan kad khususnya jika mereka terlibat dengan e-dagang seperti membeli atau memesan barangan samada dari dalam dan luar negara. Meskipun kebanyakan syarikat e-dagang menyediakan pelbagai kaedah untuk melindungi kad-kad daripada digodam, namun ianya tidak menjamin seratus-peratus keberkesananannya. Ini terbukti apabila fenomena tersebut terus berlaku sehingga ke hari ini.

Selain daripada masalah-masalah yang disebutkan di atas, penggunaan kad secara tidak berhemat boleh membawa kepada tekanan mental kepada para pemegang kad khususnya apabila mereka gagal membuat bayaran seperti yang sepatutnya. Mereka juga akan menghadapi risiko kebangkrapan dan dihadapkan ke mahkamah oleh pihak institusi kewangan.

Memiliki kad kredit manggalakkan pemilikan berbelanja lebih meskipun tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik. Ini akan menimbulkan masalah jangka panjang kepada mereka dari sudut

kewangan kerana mereka dibebani dengan faedah yang meningkat pada setiap bulan.

Mengenai pemindahan wang di antara institusi kewangan, perkhidmatan telephone banking dan smart phone pula, penulis tidak melihat sebarang permasalahan yang berkaitan dengan hukum syara' yang perlu dibincangkan kerana kesemua transaksi dibuat sebagai satu bentuk kemudahan kepada pihak pelanggan.

Manakala *interactive TV* pula ia tidak jauh berbeza *dengan Internet Access Computing* kerana kedua-duanya disambungkan terus kepada syarikat yang menjalankan operasi perniagaan. Di antara transaksi yang boleh dijalankan melalui internet ialah e-saham. Penulis melihat bahawa berurusniaga di pasaran saham seumpama ini, meskipun ianya akan memudahkan para pelanggan untuk berurusan di dalam pasaran saham, namuin ianya mungkin akan menambahkan lagi risiko kerugian yang akan dialami oleh para peniaga jika sekiranya mereka kurang mahir tentang selok belok pasaran saham. Selain dari itu para pelanggan juga kadangkala tidak diberi informasi yang jelas tentang caj-caj yang akan dikenakan bagi setiap urusan yang dijalankan. Ini kerana, meskipun para pelanggan bebas untuk membuat urusan jual beli saham, mereka sebenarnya tidak berurusan secara langsung dengan BSKL tetapi sebaliknya menghantar arahan pembelian dan penjualan kepada broker saham yang bertindak sebagai pengantara di antara para pelanggan dengan BSKL.

Di antara caj-caj yang dikenakan bagi setiap urusan adalah seperti berikut:

1. Pembelian – 0.7%
2. Penjualan – 0.7%
3. Clearing Fee
4. Stamping
5. Contra Service charge – 12%

Satu perkara yang perlu dinyatakan di sini bahawa meskipun seseorang pelanggan itu membuka akaun berurusniaga secara Islam di Amsecurities sebagai contoh peluangnya untuk terlibat dengan riba tetap ada. Ini kerana, sudah menjadi amalan kebanyakan syarikat sekuriti, para pelanggan dibenarkan untuk membeli saham lebih daripada modal yang ada di dalam akaun mereka dan ini disebutkan sebagai '*contra*'. Jika para pelanggan mempunyai modal berbayar melebihi RM 30,000 maka mereka

akan diberikan sehingga dua kali ganda jumlah tersebut setelah ditolak kemungkinan kerugian di atas saham-saham yang telah dibeli tetapi masih belum dijual. Lebihan jumlah tersebut bolehlah dikira sebagai satu bentuk pinjaman jangka pendek yang mana para pelanggan mestilah membuat pembayaran tambahan jika sekiranya ingin meneruskan pegangan ke atas saham yang dibeli. Jika pembayaran tidak dibuat pada P+4 atau hari keempat selepas pembelian dibuat, maka saham tersebut akan dijual secara paksa (*forced sales*) dan jika saham yang dijual lebih rendah bermakna telah berlaku kerugian di dalam transaksi ini dan pelanggan mesti membayar kerugian tersebut pada P+5 iaitu pada hari kelima. Namun jika mereka gagal membayarnya, maka di sinilah tempat berlakunya riba di mana pihak sekuriti akan mengenakan faedah (*service charge*) iaitu sebanyak 12% bagi jumlah yang terbaki sehinggalah semuanya dijelaskan. Penulis berpendapat bahawa perkara seumpama ini tidak harus berlaku di dalam pasaran saham Islam dan pihak sekuriti perlu mengambil langkah bagaimana untuk mengelakkan perkara seumpama ini daripada terus berlaku. Pihak sekuriti sebagai contoh boleh menjadikan sejumlah wang lebihan tersebut sebagai *al-qard al-hasan* sebagai satu galakkan kepada para pelabur agar lebih aktif untuk melabur dan dengan ini sekaligus akan menjadikan BSKL lebih aktif. Selain itu juga pihak bank boleh mengenakan penalti kepada para pelabur jika sekiranya wang pinjaman itu tidak dibayar di dalam tempoh tertentu dan bukan mengikut kadar wang yang berbaki tetapi satu jumlah yang telah ditetapkan. Ini penting untuk mengelakkan para pelabur terlibat dengan riba dan sekaligus ianya juga dapat sedikit sebanyak mengurangkan kerugian kepada pihak syarikat sekuriti.

Menyentuh tentang e-tiket pula, penulid melihat terdapat beberapa perkara yang perlu diterangkan. Meskipun harga tiket yang dijual adalah jauh lebih murah dari tiket penerbangan yang dijual oleh syarikat penerbangan lain, namun masalah yang dihadapi oleh penumpang ialah apabila mereka terpaksa menukar tarikh penerbangan kerana setiap penumpang yang menukar tarikh penerbangan akan dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00 bagi setiap tiket. Selain dari itu juga penumpang juga akan dikenakan bayaran perbezaan tiket semasa membeli dengan harga semasa tiket itu dijual. Satu perkara yang perlu juga disebutkan di sini bahawa Air Asia juga tidak membenarkan sebarang pembatalan tiket-tiket penerbangan yang telah dijual. Penumpang di dalam kes ini tidak ada pilihan samada untuk terbang mengikut jadual atau menanggungkan pada masa yang lain atau kehilangan wang mereka. Keadaan ini dengan jelas menampakkan ketidakadilan syarikat penerbangan tersebut terhadap para

pelanggan mereka hanya kerana untuk menjamin keuntungan bagi syarikat mereka. Di dalam hal ini, pihak yang berwajib perlulah prihatin dengan masalah yang dialami oleh orang ramai khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Di dalam E-Lelong dan termasuk juga di dalam kategori ini E-Shopping atau membeli belah melalui internet, terdapat beberapa perkara yang dikira bercanggah dengan hukum syara' diantaranya ialah wujudnya unsur *gharar* (ketidakpastian) tentang produk ditawarkan untuk jualan. Meskipun terdapat gambar serta spesifikasi produk, namun pembeli tidak dapat memastikan samada produk itu benar-benar wujud atau menepati apa yang digambarkan. Jika sekiranya produk yang dihantar tidak menepati apa yang digambarkan, maka jual beli tersebut dianggap tidak sah kerana wujudnya *gharar* di dalam transaksi tersebut. Keadaan ini adalah lebih rumit jika sekiranya transaksi ini berlaku di antara pembeli dan penjual yang dari negara yang berbeza.

Satu lagi bentuk *gharar* yang berlaku ialah tentang wang pembungkusan dan pos yang kadangkala jumlahnya jauh lebih besar dari kos barangan itu sendiri kerana jaraknya yang begitu jauh. Kos pembungkusan dan pos ini kadangkala tidak dinyatakan dengan jelas oleh penjual.

Selain *gharar*, e-dagang di dalam bentuk ini amat terdedah kepada penipuan kerana terdapat banyak kes di mana, pembeli tidak menerima produk yang dibeli meskipun pembayaran telahpun dibuat.

KESIMPULAN

Meskipun Islam menggalakkan perniagaan yang merupakan sumber ekonomi yang terbesar yang merangkumi 90% jumlah keseluruhan sumber kewangan manusia berdasarkan sebuah hadith Rasulullah s.a.w., namun ianya mestilah dilakukan berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Keuntungan yang diperolehi dari hasil perniagaan perlulah selari dengan Syariat Islam. Perniagaan mestilah berdasarkan kepada prinsip ekonomi Islam yang berteraskan keimanan dan menjauhi segala unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam seperti riba, penipuan, eksploitasi dan sebagainya.